

# ورتا فرنشن Warta Penerangan



APRIL 2019



**مقرنکنکن افليکاسي موده اليه جابتن فرعن**

Memperkenalkan  
Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the App Store      GET IT ON Google Play

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

**DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?**

**DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Giant Mall, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAJ Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

**DAERAH TUTONG**

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

**DAERAH BELAIT**

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

**DAERAH TEMBURONG**

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang

**InfoDeptBN**

Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.

Available on the App Store      GET IT ON Google Play



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan

• • • • • • •

**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan	Muka
Tegakkan agama Allah	5
Barigakan perkembangan usaha kerajaan	5
<b>Sokong negara tuju Wawasan Brunei 2035</b>	<b>6</b>
Pertahankan agama Allah	7
PMP platform mendengar suara rakyat	8
Jabatan Penerangan bergerak maju hadapi dunia tanpa sempadan	8
Cinta terhadap Rasulullah	9
Jabatan Penerangan beri inspirasi melalui PMB	9
Lawat ke ladang-ladang pertanian	10
RRP beri kesedaran sivik	11
Unit Pentadbiran	12
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	12
Pedoman	12
Tingkatkan semangat patriotik	13
Lawatan IBTE ke Jabatan Penerangan	14
Unit Penerbitan Melayu	15
<b>Tingkat kesedaran mengenai ASEAN</b>	<b>15</b>
Memastikan terbitan tidak bercanggah dengan akidah	16
PMB terus giat dilaksanakan	17
Unit Kenegaraan	18
Unit Stor dan Estet	18
PMP bincang masalah penduduk	19
<b>Bekerjasama dukung aspirasi negara</b>	<b>19</b>
Barigakan, jaga kehormatan negara	20
Persiapkan diri sebagai generasi berwawasan	21
Perancangan kewangan penting dalam kehidupan	22

## Tegakkan agama Allah

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**U**MAT Islam wajib percaya bahawa hukum Allah itu adalah yang terbaik untuk manusia di dunia ini.

Justeru itu, dalam melaksanakan hukum Allah Subhanahu Wata'ala, kita sebagai umat Islam wajib menegakkan dan membela agama Allah untuk kesejahteraan dan keselamatan umat manusia.

Ini kerana sesiapa yang membela dan melaksanakan hukum Allah Subhanahu Wata'ala, maka akan datang pertolongan dari Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat-Nya yang berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menekankan demikian semasa



*UCAPAN khas daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.*



*PARA peserta yang mengikuti Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Ukong, Kampung Bukit, dan Kampung Long Mayan.*

menyampaikan ucapan khasnya mengenai ‘Mencari Keredaan, Janji dan Pertolongan Allah Subhanahu Wata’ala’ pada Program Masyarakat Bermaklumat anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri berlangsung di Auditorium Jabatan Penerangan, pada hari Selasa, 9 April.

Yang Berhormat Dato Seri Setia juga menyentuh mengenai takwa dan taat kepada Allah Subhanahu Wata’ala.

## Barigakan perkembangan usaha kerajaan

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



*TAKLIMAT daripada para Pegawai Jabatan Hal Ehwal Syariah.*

**J**ABATAN Penerangan giat melaksanakan usaha dan inisiatifnya melalui Program Masyarakat Bermaklumat yang diadakan kali ini selama dua hari disertai oleh seramai 62 orang penduduk dari Kampung Ukong, Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan.

Pada hari pertama program, pada hari selasa, 9 April, para peserta mendengarkan beberapa taklimat yang dibahagikan pada sesi sebelah pagi dan petang, iaitu daripada Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Jabatan Penerangan dan JobCentre Brunei serta mengadakan lawatan ke Pusat

Hadir pada sesi taklimat di sebelah pagi ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut menyertai program berkenaan ialah Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz.

Selesai sesi taklimat, peserta program juga berpeluang melawat beberapa bahagian dan unit di Jabatan Penerangan.



*HADIR pada sesi taklimat di sebelah pagi ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.*

## Sokong negara tuju Wawasan Brunei 2035

Oleh: Hernie Suliana Haji Othman/Khartini Hamir

Foto: Hernie Suliana Haji Othman/Mohd. Sahrizal Haji Said

**J**ABATAN Penerangan secara berterusan menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat, terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam membangun negara menuju Wawasan Brunei 2035.

Pada kali ini, Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) dilaratkan kepada penduduk Kampung

Ukong, Kampung Long Mayan dan Kampung Bukit di Daerah Tutong bermula dengan majlis pembukaan yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, pada hari Selasa, 9 April.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai. Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.



*GAMBAR ramai tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai bersama peserta PMB bagi penduduk Kampung Ukong, Kampung Long Mayan dan Kampung Bukit dari Daerah Tutong.*

Seramai 62 peserta menjalani program selama dua hari tersebut diketuai oleh Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz dengan pengisian taklimat dari agensi-agensi yang berkenaan dan mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei; RZ Prisma Enterprise dan juga Rimba Garden Central.



*PARA pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ketika memberikan taklimat pertanian di Dewan Serbaguna Pusat Penyelidikan Pertanian, Kampung Sinaut, pada 10 April.*



*PARA Peserta PMB ketika mengadakan lawatan ke RZ Prisma Enterprise.*



*PARA peserta PMB ketika mendengarkan taklimat di RZ Prisma Enterprise.*

## Pertahankan agama Allah

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**M**ASYARAKAT Brunei yang terdiri daripada pelbagai kaum dan puak disaran agar sentiasa hidup harmoni dengan saling menjaga hubungan silaturahim sebagaimana yang sangat ditekankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mendukung negara ini untuk lebih maju dan lebih teguh juga kekal sebagai sebuah negara.

Saranan dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa memberikan ucapan khas pada Program Muzakarah Penerangan bagi Mukim Amo.



*MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa memberikan ucapan khas pada Program Muzakarah Penerangan bagi Mukim Amo.*

Penerangan (PMP) bagi Mukim Amo, Kemasyarakatan Pekan Bangar, Daerah Temburong, berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan

## PMP platform mendengar suara rakyat

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**P**ELBAGAI isu telah dibincangkan semasa berlangsungnya Program Muzakarah Penerangan (PMP) di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, pada hari Khamis, 18 April.

Isu-isu yang dihadapi oleh para penduduk di bawah Mukim Amo itu disampaikan oleh Penghulu Mukim Amo dan ketua-ketua kampung di bawah tадahan Mukim Amo, seterusnya mendapat maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan berkaitan.

Antara yang hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Terdahulu Pemangku Pengarah Penerangan,



*MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud hadir pada Program Muzakarah Penerangan anjuran Jabatan Penerangan bagi Mukim Amo, bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.*

Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku Pengurus Majlis dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, kehadiran Yang Berhormat Dato semasa PMP memberikan gambaran akan peri pentingnya program berkenaan sebagai salah satu platform kerajaan untuk mendengar suara rakyat dan penduduk di negara ini.

## Jabatan Penerangan bergerak maju hadapi dunia tanpa sempadan

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**T**ARIKH 1 April menandakan detik bersejarah bagi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri apabila ia menyambut ulang tahun penubuhannya.

Sehubungan itu, sempena memperingati penubuhannya yang Ke-67 tahun, Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di Dewan Setia Negara, Jabatan Penerangan, pada hari Isnin, 1 April.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqi'ah serta Surah Yasin yang dipimpin oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Sementara itu, bacaan tahlil dan doa tahlil pula diketuai oleh Penolong Penyunting Tingkat III, Awang Muhammad Khairul Hisyam bin Jaya manakala doa kesyukuran pula dibacakan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam.

Jabatan Penerangan dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan dan ditubuhkan pada 1 April 1952.

Sempena memperingati ulang tahun penubuhannya Ke-65 tahun, Jabatan Penerangan telah melancarkan Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDept. BN.



*WARGA Jabatan Penerangan ketika mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di Dewan Setia Negara, Jabatan Penerangan.*

## Cinta terhadap Rasulullah

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**M**UKJIZAT Israk dan Mikraj serta peristiwa-peristiwa kebesaran Islam yang disambut pada setiap tahun adalah sebagai meningkatkan kecintaan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj 1440 Hijrah, Jabatan Penerangan juga telah mengadakan sambutan tersebut di Surau Jabatan Penerangan pada hari Sabtu, 6 April.

Hadir pada majlis itu ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Terdahulu, majlis dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.



*HADIR pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.*

Kemudian majlis diteruskan lagi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Najm ayat 13 hingga 18 yang dibacakan oleh Penolong Penyunting Tingkat III, Awang Muhamad Khairul Hisyam bin Jaya.

Majlis diikuti dengan Ceramah Khas yang bertajuk ‘Sembahyang Membentuk Umat Bertakwa’ yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da’wah Islamiah, Ustaz Haji Fansuri Sharimi@Mansur bin Mohd. Ali.

## Jabatan Penerangan beri inspirasi melalui PMB

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim/Aimi Sani/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman/Aimi Sani/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



*AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit semasa hadir selaku tetamu kehormat.*

**P**ROGRAM Masyarakat Bermaklumat (PMB) merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan ucapannya

selaku Pengurus pada PMB bagi Kampung Birau, yang berlangsung di Pusat Kemasyarakatan Kampung Birau, Tutong, pada hari Isnin, 1 April.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai.

Seramai 30 orang peserta yang diketuai oleh Ketua Kampung Birau, Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim menyertai lawatan berkanaan.

Rombongan juga akan mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan dan seterusnya ke Jabatan Perikanan, Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd., Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, RZ Prisma Enterprise, Hua Ho Agricultural Farm dan Rimba Garden Central.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) ketika melawat Golden Corporation Sendirian Berhad.



PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Birau, Tutong semasa melawat ke Bahagian Pelita Brunei.

## Lawat ke ladang-ladang pertanian

Oleh: Aimi Sani/ Nooratini Haji Abas/Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto: Hamzah Mohidin/Aimi Sani/Ihsan Cawangan Penerangan Daerah Tutong

**P**ROGRAM Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Birau anjuran Cawangan Penerangan Daerah Tutong meneruskan lagi siri program lawatan ke beberapa tempat termasuk *Hua Ho Agricultural Farm* di Kampung Parit, *RZ Prisma Enterprise* dan *Rimba Garden Central*, pada hari Selasa, 2 April.

Sementara itu, penyampaian sijil diadakan di *Rimba Garden Central*, Jalan Kampung Rimba tersebut disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.



PENGURUS Besar, *RZ Prisma Enterprise*, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail (tengah) mengongsikan pengalaman dalam mengusahakan ladang berkenaan.



**PESERTA** Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Birau semasa dibawa meninjau Hua Ho Agricultural Farm di Kampung Parit.



**KETUA** Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta.

## RRP beri kesedaran sivik

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Azmah Haji Ahad/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



**ANTARA** pelajar yang menyertai Kuiz Kenegaraan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (SMPJNPHAB), Mumong.

**R**AKAN Remaja Penerangan (RRP) merupakan program berbentuk persembahan khusus bagi peringkat remaja terutama pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat dan kegiatan semasa supaya para remaja di sekolah tersebut supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling mereka.

Program tersebut diadakan pada hari Sabtu, 6 April di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (SMPJNPHAB), Mumong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pegawai Pendidikan, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Daerah

Belait, Kementerian Pendidikan, Dayang Maslinah binti Muhamad Masdi, selaku wakil Ketua Kluster 6, JSS, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, program yang sama juga diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, pada hari Selasa, 16 April.

Hadir pada majlis tersebut, Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Dayang Sinasuria binti Haji Ibrahim; Ketua Unit Kenegaraan Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Dato Kerna Haji Jaya; timbalan pengetua; dan tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenan.

## Unit Pentadbiran

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Unit Pentadbiran

**U**NIT pentadbiran merupakan salah sebuah unit di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Seramai 10 orang pegawai dan kakitangan dalam unit ini yang diketuai oleh Penyelia Pejabat, Dayang Mazanah binti Awang Haji Suhaili.

Antara tugas dan tanggungjawab di unit ini ialah mengurus dan mentadbir hal ehwal pegawai dan kakitangan, mengurus fail Peribadi dan fail am, mengemas kini status kekosongan jawatan dan menghadapkan kekosongan jawatan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan memproses pelbagai jenis permohonan cuti, penetapan jawatan, penyambungan perkhidmatan, menghadapkan permohonan bersara wajib/bersara awal, menamatkan perkhidmatan, cuti tidak bergaji dan cuti khas.

Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab dalam menghadapkan permohonan rumah kerajaan, pinjaman rumah persendirian dan memiliki tanah dan sebagainya. Juga mengemas kini perkiraan cuti pegawai dan kakitangan, mengemas kini RPG, mengemas data GEMs, memproses borang pengesahan ketua jabatan melalui PoC PSC Recruitment dan memproses permohonan peminjaman/Auditorium Jabatan Penerangan.



KAKITANGAN di Unit Pentadbiran semasa menjalankan tugas.



## Peristiwa penting Jabatan Penerangan

### Hari Penerangan berpeluang kemukakan isu

TELISAI - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan Hari Penerangan bertempat di Sekolah Rendah Tumpuan Telisai pada hari Ahad, 19 April depan.

Hari Penerangan ini dikendalikan bersama oleh jabatan berkaitan dengan Majlis Perundungan Mukim Telisai.

Antara acara dalam Hari Penerangan itu nanti ialah majlis-majlis perjumpaan, mubahah pernaraan yang merupakan majlis dialog antara para penduduk Mukim Telisai dengan para perwakilan dari beberapa buah kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Ibu-ibu yang akan ditimbulkan nanti akan dijawab secara langsung oleh pihak-pihak berkenaan dalam kerjaan yang akan sama-sama hadir dalam Majlis Muhibah Perjumpaan Penerangan itu nanti.

Program sehari suntuk itu dijangka akan dirasmikan pelancarannya oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah bermula jam 9.00 pagi.

## Tingkatkan semangat patriotik

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Hamzah Mohidin/Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/Azmah Haji Ahad/  
Muhammad Asri Haji Awang Abas/Mohd. Sahrizal Haji Said



*TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya diadakan di LT12, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong pada 1 April.*



*TAKLIMAT Kenegaraan berlangsung di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong pada 2 April.*



*TAKLIMAT Kenegaraan yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin di Sekolah St.Margaret's, Seria pada 2 April.*



*TAKLIMAT Kenegaraan ‘Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong pada 4 April.*



*PENUNTUT Tahun 7 dari Sekolah Sukan mendengar dan mencatat mengenai Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 6 April.*



*PARA pelajar Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit ketika menyertai Kuiz Kenegaraan pada 8 April.*



PARA penuntut Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam ketika mendengarkan Taklimat Kenegaraan pada 10 April.



PARA penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab ketika mendengarkan Taklimat Kenegaraan pada 25 April.



PARA penuntut Tahun 7 Sekolah St. Andrew mendengarkan Taklimat Kenegaraan pada 10 April.



TAKLIMAT Kenegaraan yang diadakan di Sekolah Menengah Chung Hwa pada 13 April.



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrain di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok pada 20 April.

## Lawatan IBTE ke Jabatan Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

**S**ERAMAI 22 orang penuntut dan empat orang tenaga pengajar dari IBTE mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada hari Khamis, 4 April.

Taklimat ringkas mengenai Jabatan Penerangan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga berkesempatan melawat ke Bahagian Pelita Brunei, Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik, Unit Fotografi dan Pusat Rujukan Jabatan Penerangan yang terletak di bangunan asal Jabatan Penerangan.



BERGAMBAR ramai semasa mengadakan lawatan ke Bahagian Penerbitan dan Seni grafik.

## Unit Penerbitan Melayu

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**U**NIT Penerbitan Melayu merupakan sebuah unit di bawah Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik. Unit Penerbitan Melayu diketuai oleh seorang Pegawai Penerangan, Hajah Rosidah binti Haji Ismail dan pegawai dan kakitangan di bawahnya seramai tiga orang.

Tugas dan tanggungjawab di unit ini ialah mengumpulkan segala bahan-bahan terbitan untuk dijadikan buku, menyunting dan menyemak bahan-bahan yang telah diperolehi dan membuat penulisan.

Buku-buku terbitan yang dihasilkan oleh Unit Penerbitan Melayu sama ada untuk dijual mahupun di-upload ke laman sesawang Jabatan Penerangan ialah Himpunan Titah, Himpunan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Brunei Darussalam Negaraku, Khutbah Jumaat,



*SALAH seorang pegawai di Unit Penerbitan Melayu semasa menjalankan tugas.*

Haluan, Kompilasi Rencana Kenali Negara Kitani (KNK), Lawatan Negara, Tetamu Negara, Sejarah Kampung dan Warta Penerangan yang diterbitkan setiap bulan.

## Tingkat kesedaran mengenai ASEAN

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah/  
Mohd. Sahrizal Haji Said/Azmah Haji Ahad

**J**ABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sentiasa berusaha menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (*ASEAN-ness*) dalam kalangan penuntut-penuntut bagi sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Salah satu usaha yang giat dilaksanakan ialah Jerayawara Kenali ASEAN, yang dikendalikan oleh Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCAI.

Jerayawara dihadiri oleh Pengetua Sekolah St. George's, Awang Janidi Jingan dan tenaga pengajar juga penuntut-penuntut sekolah berkenaan,



*PARA penuntut Sekolah St. George's seronok apabila mendengarkan Taklimat Kenali Negara ASEAN pada 6 April.*



*SESI kuiz semasa Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Sekolah Menengah Rimba I pada 25 April.*

berlangsung di Parish Hall, Sekolah St. George pada hari Sabtu, 6 April.

Taklimat yang sama juga diadakan di Sekolah Menengah Rimba I pada 25 April dan di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar pada hari Sabtu, 27 April.

Jerayawara diisikan dengan sesi Taklimat Kenali Negara ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II yang juga Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.



*SEBAHAGIAN penuntut Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar mengisikan borang kaji selidik mengenai ASEAN pada 27 April.*

## **Memastikan terbitan tidak bercanggah dengan akidah**

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Azmah Haji Ahad, Isa Haji Abdul Rahman



*HADIR pada lawatan tersebut dan seterusnya memberikan ucapan khas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.*

**M**ATLAMAT Bahagian Penapisan dan Pameran, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) adalah bagi memastikan agar semua terbitan di negara ini tidak bercanggah dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah, sekali gus mewujudkan masyarakat Islam yang bersatu pendapat dalam hukum-hukum agama serta mengawal perkembangan ajaran-ajaran selain Islam, ajaran-ajaran sesat dan seumpamanya.

Perkara demikian dijelaskan oleh

Penolong Pengarah PDI, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdul Kahar semasa memberikan penerangan ringkas mengenai Bahagian Penapisan dan Pameran, PDI pada Taklimat dan Lawatan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Lumut I, Mukim Liang berlangsung di bangunan PDI, pada hari Khamis, 11 April.

Hadir pada lawatan tersebut dan seterusnya memberikan ucapan khas ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Mumin yang juga Penghulu Mukim Liang, Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Md. Salleh; Pemangku Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdul Hazis bin Haji Ahad serta pegawai dan kakitangan PDI.

## PMB terus giat dilaksanakan

Oleh: Hernie Suliana Haji Othman/Noraizah Haji Muhammed  
Foto: Hernie Suliana Haji Othman/Muhammad Asri Haji Awang Abas



*PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat Kampung Lumut 1 bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Mumin selaku Penghulu Mukim Liang.*



*PARA peserta mendengarkan taklimat dari wakil Darussalam Enterprise (DARE.)*

**P**ROGRAM Masyarakat Bermaklumat (PMB) diteruskan lagi seramai 40 peserta dari Kampung Lumut I, Mukim Sungai Liang memulakan program tersebut selama dua hari dengan majlis pembukaan yang berlangsung di Balai Raya Kampung Lumut 1, pada hari Khamis, 11 April.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Mumin selaku Penghulu Mukim Liang. Juga hadir ialah Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdul Hazis bin Haji Ahad.



*PESERTA Program Masyarakat Bermaklumat Kampung Lumut 1 semasa mengadakan lawatan ke Rimba Garden Central.*

Rombongan peserta yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Lumut I, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani mengadakan lawatan ke Pusat Da'wah Islamiah; Darussalam Enterprise (DARE) dan Rimba Garden Central di samping mendengar ceramah dan taklimat daripada Jabatan Penerangan; Bahagian Penguatkuasaan Ugama; JobCentre Brunei; Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Bahagian Hal Ehwal Syariah.



*TAKLIMAT terakhir bertajuk ‘Konsep Makanan Halal’ disampaikan oleh Pegawai Saintifik, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Mohamad Ayub bin Abdul Gani yang menyentuh mengenai takrif makanan halal dan penyembelihan yang sah menurut syarak.*

## Unit Kenegaraan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Jabatan Penerangan

**U**NIT Kenegaraan merupakan sebuah unit dalam Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan yang diketuai oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya dan enam orang pegawai dan kakitangan di bawahnya. Unit ini memainkan peranan penting dalam menanamkan semangat patriotisme kepada pelbagai lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Antara program-program yang dilaksanakan oleh unit ini ialah Taklimat Kenegaraan iaitu taklimat mengenai lagu kebangsaan dan bendera negara. Para peserta terdiri daripada para pelajar Tahun 7 hingga Tahun 11, Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Hari Kebangsaan, Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Program Rakan Remaja Penerangan, Program Pentarama, Perkampungan Sivik Bagi Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam, Pertandingan Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Jerayawara Penggunaan Banner Dan Bahan-Bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional.

Program-program yang dilaksanakan ini turut diadakan di daerah-daerah dengan kerjasama



**TAKLIMAT** Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya kepada para penuntut sekolah.

Cawangan Penerangan. Bagi menyuntik semangat patriotisme dan memperkasa cintakan negara, unit ini banyak membuat aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada kenegaraan.

Selain taklimat kenegaraan dan bendera negara, unit ini juga berperanan dalam menyampaikan maklumat melalui hiburan untuk menanam semangat patriotisme dan cintakan negara kepada seluruh lapisan masyarakat di negara ini. Ini dapat dilihat dalam Program Pentarama yang diadakan di seluruh daerah bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

## Unit Stor dan Estet

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**U**NIT Stor dan Estet termasuk dalam Bahagian Pentadbiran Jabatan Penerangan. Unit ini terdiri daripada penyelenggara stor, pembersih dan sekuriti. Seramai empat orang penyelenggara stor bertugas dalam unit ini. Antara tugas yang dibuat ialah bertanggungjawab dalam menghadapkan laporan bulanan barang inventori setiap hujung bulan. Mereka juga bertanggungjawab dalam menyimpan buku-buku terbitan, cenderahati dan barang peralatan pejabat. Mereka juga menguruskan



**SALAH** satu tugas di Unit Stor dan Estet bertanggungjawab dalam penyimpanan buku-buku yang telah diterima daripada syarikat-syarikat.

bagi pembelian barang perabot jabatan seperti kerusi, meja dan almari.

Unit Stor dan Estet bertanggungjawab dalam memastikan kebersihan jabatan ini yang mana seramai enam orang pembersih akan melakukan kerja-kerja mereka di tingkat-tingkat yang telah ditentukan. Begitu juga dengan sekuriti yang bekerja di jabatan ini. Pada masa ini seramai tiga orang

sekuriti bertugas mengikut syif masing-masing bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan yang bertugas syif malam serta memantau keadaan kedua-dua buah bangunan Jabatan Penerangan.

Unit ini juga membuat kerja-kerja tambahan jika ada lantikan sebagai AJK logistik dan PA System dalam mana-mana program atau aktiviti jabatan.

## PMP bincang masalah penduduk

Berita dan Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**B**EBERAPA isu menjadi topik perbincangan diantara para penduduk kampung dengan agensi-agensi kerajaan terbabit semasa berlangsungnya Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Lamunin, Daerah Tutong, di Dewan Serbaguna Kampung Layong, pada hari Selasa, 30 April.

Program dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Pelbagai isu telah dibangkitkan semasa muzakarah itu, antaranya mengenai prasarana, ekonomi, alam sekitar dan hal-hal lain.

Ahli-ahli panel program muzakarah terdiri daripada ketua-ketua jabatan, penolong-penolong

ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Selain penduduk mukim, muzakarah juga dihadiri oleh Penghulu Mukim Lamunin, Awang Haji Tujoh bin Talip; Ketua Kampung Panchong, Awang Haji Muhd. Shah Asnawi

bin Abdul Rahim; Ketua Kampung Lamunin, Mejari (B) Awang Said bin Haji Tinggal selaku Pemangku Ketua Kampung Menengah/ Bukit Sulang; Pemangku Ketua Kampung Layong, Awang Haji Mohd. Noh bin Taib; pegawai-pegawai kanan juga para pegawai dan kakitangan daripada pelbagai agensi-agensi kerajaan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan bagi Mukim Lamunin, Daerah Tutong.

## Bekerjasama dukung aspirasi negara

Oleh: Noraisah Haji Mohammed

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**J**ABATAN Penerangan melalui Cawangan Penerangan Belait mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi penduduk Kampung Sungai Teraban, Mukim Kuala Belait selama dua hari bermula 24 April hingga 25 April.

Majlis pembukaan program diadakan di Balai Raya Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput yang juga Ketua Kampung Labi I.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Program kali ini disertai oleh seramai 36 orang penduduk Kampung Sungai Teraban, diketuai oleh

Pemangku Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Zaini bin Haji Kaderi.

Program tersebut diisikan dengan beberapa siri taklimat yang disusun oleh pihak pengajur bagi meningkatkan pengetahuan para peserta, mengadakan lawatan ke Syarikat Riza Fudhlana Farming, sebuah syarikat yang mengusahakan ternakan ayam pedaging reban ayam tertutup, di Kawasan Kemajuan Pertanian Tanah Tuah, Kampung Kulapis dan lawatan ke *RZ Prisma Enterprise* di Kawasan Kemajuan Pertanian (KPP) Kilanas, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei bagi Lawatan ‘Peluang Keusahawanan dalam Bidang Pertanian’.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput (tiga, kanan) ketika hadir selaku tetamu kehormat majlis.

## Barigakan, jaga kehormatan negara

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

JABATAN Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan terus berusaha dalam membarigakan dan meningkatkan kefahaman, pengetahuan juga kesedaran awam mengenai penggunaan kain rentang (*banner*), bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional ke arah menjaga kehormatan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan meneruskan lagi siri Jerayawara Penggunaan Kain Rentang, Bendera Negara dan Bahan-bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional Kali Keempat, berlangsung di Ruang Legar Aman Hills Shopping Centre, Mukim Berakas ‘B’, pada hari Khamis, 25 April.

Program jerayawara diisikan dengan sesi taklimat yang disasarkan kepada lebih 90 peserta pengurus-pengurus syarikat terpilih, termasuk pengusaha kecil di kawasan perniagaan Kampung Manggis dan Kampung Sungai Tilong.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, yang mana menyentuh mengenai kesalahan-kesalahan terhadap penggunaan dan tatacara betul dalam penggunaan kain rentang, pengibaran bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

Jerayawara diteruskan dengan tayangan video mengenai Bendera Negara dan Tatacara Menaik-

kibarkan Bendera Negara dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Turut hadir pada sesi soal jawab, pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara; Jabatan Bandaran; Jabatan Peguam Negara; dan Unit Stor dan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika hadir pada Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera Negara dan Bahan-bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional Kali Keempat.

## Persiapkan diri sebagai generasi berwawasan

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman/Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad/Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi/  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim/Marinawaty Hussin

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas/Hamzah Mohidin/ Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi/  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim/Marinawaty Hussin

**J**ABATAN Penerangan, melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Kedua Bagi Tahun 2019 bermula 28 April.

Majlis Pembukaan Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah diadakan di Dewan Serbaguna 2, Kompleks Sukan Sungai Kebun, dihadiri oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Majlis diteruskan dengan taklimat ringkas mengenai Program Perkampungan Sivik, disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang mengongsikan atur cara, pengenalan, objektif dan perisian kursus, perkongsian video alumni perkampungan sivik sesi pertama 2019 dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Hari pertama perkampungan diadakan, para peserta mengikuti sesi *Ice Breaking* dan *Team Building*, dikendalikan oleh *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)*.

Seramai 15 peserta menyertai perkampungan kali ini, iaitu lima lelaki dan sepuluh perempuan, terdiri daripada lepasan-lepasan ijazah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) juga lepasan



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa hadir merasmikan Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Kali Ke-2 Bagi Tahun 2019, bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

ijazah seberang laut iaitu Mesir, United Kingdom, Australia dan Malaysia.

Mereka akan berkampung selama enam hari lima malam di Perkampungan Kompleks Sukan Sungai Kebun dengan mengikuti pelbagai aktiviti termasuk taklimat

dan sesi dialog, lawatan ke jabatan-jabatan kerajaan dan swasta juga perusahaan kecil dan sederhana, sesi percambahan fikiran secara berkumpulan, aktiviti kerja berpasukan, sukan dan riadah, aktiviti keagamaan serta kempen kebersihan.



**PESERTA** Perkampungan Sivik ketika mendengarkan taklimat dari wakil Darussalam Enterprise (DARE) dan wakil dari Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.



PARA peserta program ketika melakukan aktiviti Team Building.



AWANG Md. Wafiy Fakhri bin Haji Mohamad dan Dayang Nurul Yushida binti Mohd. Yusuf dilantik sebagai Ketua Bersama program tersebut.



PEGAWAI Narkotik, Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Mohammad Saiful Azli bin Abdullah menyampaikan taklimat mengenai masalah penyalahgunaan dadah di negara ini pada 29 April.



PARA peserta program mendengar penerangan semasa membuat lawatan ke Syarikat Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd. pada 30 April.

## Perancangan kewangan penting dalam kehidupan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**S**ERAMAI 60 pegawai dan kakitangan daripada Bahagian III dan IV Jabatan Penerangan menghadiri Taklimat Perancangan Kewangan dari Bank Islam Brunei Darussalam pada hari Rabu, 17 April yang diadakan di Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Siti Nur Aqilah binti Hussin dari Unit *Client Relationship Management*, Bank Islam Brunei Darussalam.

Objektif taklimat tersebut adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran kepentingan perancangan kewangan dalam kehidupan.



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang menghadiri Taklimat Perancangan Kewangan dari Bank Islam Brunei Darussalam.



# جوالن بوکو تر بیتن جابتان قرنغ

DAPATKAN  
SEKARANG!

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

### HIMPUNAN TITAH

تیتاه  
TITAH - TITAH



KUMPULAN TITAH KERAWAH DULI  
TAMAN MASA MULIA PADUKA BEHR  
RAHIMDA SULTAN DAN TANG DI PERTIAGA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2016

Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00

سبداء  
SABDA



### HIMPUNAN SABDA

تاهیت  
TAHITH

Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00



BRUNEI  
TODAY

Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50



Harga  
\$3.50

KOMPILASI  
SABDA ANAKANDA  
2011-2016



### HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50
2017	\$8.50



Harga  
\$11.50

BRUNEI DARUSSALAM  
NEGARAKU  
2015 - 2016



Harga  
\$4.00

BRUNEI-MUARA  
DISTRICT



Harga  
\$3.50

BELAIT DISTRICT TUTONG DISTRICT TEMBURONG DISTRICT

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
BANGAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

### CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
DAERAH TUTONG, TA1314,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

### CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN  
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,  
KB4333, DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



[infodept.bn](http://infodept.bn)



[@infodept\\_bn](https://twitter.com/infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

Tel : 2383400 Faks : 2382242